

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bentuk program yang akan diperkenalkan oleh Kementerian untuk pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Sabah

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sentiasa komited dalam membangunkan sebuah ekosistem keusahawanan yang komprehensif dan inklusif meliputi para usahawan dan bakal usahawan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah.

2. Untuk itu, Kementerian telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk mempertingkatkan dan memantapkan daya tahan dan daya saing usahawan. Antara program/ bantuan untuk pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di seluruh negara adalah seperti berikut:

**Program Pembiayaan kepada PKS**

3. Antara inisiatif dan kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh MEDAC serta agensi-agensi di bawahnya kepada usahawan-usahawan PKS meliputi pelbagai program pembiayaan sebagai modal permulaan dan pengembangan perniagaan, pembelian bahan mentah, stok dan aset perniagaan. Program-program pembiayaan yang telah ditawarkan kepada usahawan PKS adalah seperti berikut:

- i) SME Bank:
  - a) Program Pembiayaan Premis Usahawan (i-EPF)
  - b) Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)
  - c) Program Pembiayaan i-REACH
  - d) Program Pembiayaan i-SPLASH
  - e) Program Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF)
  
- ii) TEKUN Nasional:
  - a) Skim Pembiayaan TEKUN Niaga,
  - b) Skim Pembiayaan Teman TEKUN,
  - c) Skim Pembiayaan Kontrak-I,
  - d) Skim Pembiayaan Program TEMANNita,
  - e) Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)

4. Berdasarkan rekod, MEDAC melalui SME Bank telah meluluskan pembiayaan kepada 547 usahawan di negeri Sabah berjumlah RM 668.9 juta sejak tahun 2016. Sehingga Mei 2020, SME Bank telah meluluskan pembiayaan kepada 108 usahawan dengan jumlah sebanyak RM85.1 juta.
5. Selain itu, dari tahun 1998 sehingga Mei 2020, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM 558.3 juta kepada seramai 48,643 usahawan negeri Sabah untuk tahun 2020, sehingga Mei 2020, sebanyak RM 11.6 juta telah disalurkan oleh TEKUN Nasional bagi membantu seramai 1271 usahawan negeri Sabah.
6. Di samping itu, menerusi pakej rangsangan PRIHATIN PKS, sebanyak 2,373 permohonan diluluskan dengan nilai RM17.3 juta bagi negeri Sabah sehingga 30 Jun 2020, khusus untuk membantu peniaga kecil bagi mendapatkan bantuan modal perniagaan tanpa caj melalui program *Covid Business Recovery-Micro* (CBRM).

#### **Program Pembangunan Kapasiti Usahawan**

7. MEDAC melalui agensinya menyediakan pelbagai program pembangunan kapasiti dan latihan keusahawanan berbentuk *outcome-based* merentasi semua sektor ekonomi seluruh negara termasuklah di negeri Sabah.
8. SME Corp. Malaysia melaksanakan program pembangunan kapasiti PKS seperti:
  - i) Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)  
Bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu. Sehingga kini, sebanyak 104 permohonan syarikat di Sabah telah diluluskan yang berjumlah RM14.6 juta.
  - ii) Program *Business Scale-Up* (Program *Biz-Up*)  
Meningkatkan keupayaan PKS melalui khidmat nasihat perniagaan dan sokongan kewangan. Sejak tahun 2016 sehingga 2019, sebanyak 1,645 permohonan syarikat telah diluluskan yang

berjumlah RM 287 juta termasuk 26 permohonan dari usahawan negeri Sabah bernilai RM 1.5 juta.

9. SME Bank melalui anak syarikatnya iaitu *Centre For Entrepreneur Development & Research Sdn. Bhd.* (CEDAR) menyediakan latihan keusahawanan bagi mempertingkatkan kemahiran usahawan dalam menguruskan perniagaan. Program-program latihan yang sedang dan akan dijalankan adalah seperti berikut:

- i) SME Bank *Strategic Series (SBSS) – Account & Financing*
- ii) SME Bank *Strategic Series (SBSS) – Business Planning*
- iii) SME Bank *Upward migration program* – program peningkatan usahawan untuk pengembangan perniagaan

10. INSKEN pula menawarkan inisiatif pembangunan kapasiti usahawan melalui program-program latihan dan bimbingan seperti:

- i) Kursus Asas Keusahawanan (KAK)
- ii) *INSKEN Business Coaching (IBC)*
  - 1 program telah dijalankan khas untuk peserta di Sabah, iaitu IBC Cafe Restaurant Sabah, melibatkan 20 orang usahawan pengusaha kafe dan restoran di seluruh negeri Sabah.
- iii) *INSKEN Business Enhancement Programme (BEP)*
- iv) *INSKEN Business Training (IBT)*

11. Menerusi program-program pembangunan kapasiti dan latihan keusahawanan ini, usahawan di negeri Sabah dijangka akan dapat meningkatkan jualan dan taraf ekonomi serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat di Sabah.

Sekian, terima kasih.